

| | |
|-----------|------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 28 NOVEMBER 2016 |

Seruan Najib kepada generasi muda Melayu

Bersedia hadapi cabaran globalisasi milenia baharu

Oleh HUSSAINI AMRAN
hussaini.amran@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 NOV.

DATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, milenia baharu yang juga dikenali sebagai revolusi perindustrian keempat menuntut generasi muda Melayu menyedari tentang perubahan yang melanda dunia.

Perdana Menteri berkata, dalam hal itu, mereka perlu bersedia untuk menangani cabaran semasa agar tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital yang sedang berlaku sekarang.


Katanya, bidang pendidikan dan ilmu mesti dijadikan teras dalam usaha mempersiapkan generasi muda Melayu untuk menangani cabaran baharu itu.

“Kita mahu, walaupun dalam persaingan yang begitu sengit, orang Melayu masih dianggap sebagai bangsa yang mulia dan berjaya,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Agung Tahunan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Ke-62 di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini hari ini.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican; Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya dan Presiden GPMS, Zambri Mohd. Isa.

Pada majlis sama, Perdana Menteri menyampaikan Anugerah Tokoh GPMS Terbilang kepada Abdullah serta Anugerah Aminuddin Baki (GPMS Selangor); Anugerah Wahab Ariff (GPMS Cawangan Pekan, Pahang) dan Anugerah Khas Presiden (GPMS Cawangan Khas Institut Malaysia Sepanyol, Universiti Kuala Lumpur).

Beliau juga mengumumkan dana sebanyak RM1 juta akan disalurkan kepada Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia yang ditubuhkan GPMS serta menyerahkan bantuan berjumlah RM412,436



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan replika cek kepada wakil pelajar yang juga bekas pelajar Universiti Zagazig, Mesir, Shazwanie Azeera Soberi (kiri sekali) sambil diperhatikan oleh Zamri Mohd. Isa (dua dari kiri), Abdullah Ahmad Badawi dan Reezal Merican Naina Merican pada majlis Perasmian Persidangan Agung Tahunan GPMS Ke-62 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

daripada tabung berkenaan kepada waris pelajar-pelajar perubatan Malaysia yang menghadapi masalah kewangan di Mesir.

Najib yang juga Penaung GPMS turut melancarkan kumpulan Najib Geng Anak Muda (NGAM) #TN50 iaitu satu inisiatif yang dilancarkan GPMS untuk mendapatkan pandangan golongan muda terhadap agenda Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Katanya, generasi muda Melayu seharusnya diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan era digital.

Beliau memberitahu, mereka perlu dipupuk dengan minat un-



Dalam hal itu, mereka perlu bersedia untuk menangani cabaran semasa agar tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital yang sedang berlaku sekarang.”

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

tuk menceburi bidang-bidang yang berkaitan dengan pengurusan data besar.

“Sebab ini adalah pekerjaan pada masa depan yang memungkinkan kita menjadi bangsa berjaya lagi mulia,” jelasnya.

Sementara itu, Najib yang juga

Presiden UMNO menyatakan komitmen beliau dalam usaha untuk menyatupadukan umat Islam di negara ini.

“Komitmen kita atas nama ummah itu bukan pilihan, itu wajib bagi kita untuk majukan,” katanya.